

SEMBANG TECH AKTIF COLLAB





Siapa Kata Influencer Tak Perlu Isytihar Pendapatan?



Be the first of your friends to lik



HAMKA ROSLI · 6 MAY 2020 · COLLAB, SEMBANG



Zaman sekarang punya bidang pekerjaan memang unik sebab *influencer* media sosial pun dah dikira sebagai satu pekerjaan atau *career*. Jangan terkejut kalau ada pelajar-pelajar di sekolah yang cakap cita-cita dia nak jadi *influencer*. Mungkin kita boleh faham lah kenapa ada yang pasang cita-cita sedemikian, sebabnya *influencer* ni macam dikenali ramai orang. Kira famous lah, and dunia famous ni memang ramai yang nak. Tambahan lagi, *influencer* sekarang dah boleh buat duit. Kadang-kadang tu lagi banyak dari orang yang kerja office. Sampai ada yang rasa baik jadi *influencer* dari kerja dekat pejabat.



Tapi itu pilihan masing-masing lah nak kerja apa. Cumanya kalau **korang** bercita-cita nak jadikan *influencer* media sosial ni sebagai sumber pendapatan, **korang** wajib tahu cara pembayaran cukai. Sebagai *influencer*, **korang** dikira sebagai bekerja sendiri. Jadi tiada majikan yang akan tolong uruskan bab-bab cukai ni.

Instafamous' pun kena bayar cukai

Sumber: myMetro, 17 Januari 2019

<https://t.co/nmQ6EIAbEI>

— LHDNM (@LHDNMofficial) January

18, 2019

INFLUENCER YANG MACAM MANA KENA BAYAR?



Recommended Post



Tentang Thelaki

Kekal dalam radar newslet

Email



FACEBOOK

Copyright © Thel

Tak kira lah **korang** instafamous ke, tweetfamous ke, streamer ke atau vlogger, **korang** dah wajib bayar cukai sekiranya pendapatan sudah mencecah RM34,000 setahun selepas ditolak dengan potongan KWSP. Segala aktiviti *influencer* seperti mempromosikan produk yang memberi hasil pendapatan kepada *influencer* perlu diisytiharkan dan seterusnya wajib bayar cukai sekiranya dah mencecah amount tersebut. Itu dikira sebagai duit sumber pendapatan **korang** sebagai *influencer*.



Sebenarnya tidak terhad kepada *influencer* je sebab pekerjaan lain seperti peniaga SME dan juga pekerja pejabat juga perlu melakukan perkara yang sama. Yang penting pendapatan dah mencecah RM34,000 setahun selepas ditolak dengan potongan KWSP. Jangan dah **masyuk** tapi buat senyap pula ye soal cukai ni.

Sekiranya **korang** dah melepasi syarat wajib bayar cukai, ada beberapa perkara yang korang kena buat iaitu:




Don't missed out the top 10 news of the day.



- Berdaftar dengan LHDNM dan mempunyai nombor cukai pendapatan
- Melaporkan pendapatan/kerugian yang diterima daripada aktiviti perniagaan dan aktiviti ekonomi digital
- Melengkapkan dan menghantar Borang e-B (borang cukai) secara e-Filing
- Membuat bayaran cukai (ByrHASiL)

SEMUANYA SECARA
ONLINE

Pendaftaran dan juga pembayaran cukai boleh dilakukan secara atas talian. Mudah je. **Korang** cuma perlu pergi ke ez.hasil.gov.my dan terus login di situ. Sekiranya **korang** baru pertama kali nak daftar, kena pergi ke kaunter LHDN dulu lah untuk dapatkan nombor PIN. Jadi lepas ni setiap kali kena update cukai tahunan, tak perlu dah ke pejabat LHDN. Semuanya diisi secara atas talian. Yang penting segala atau rekod transaksi perlu disimpan selama 7 tahun sebagai bukti kepada pihak LHDN.



Kalau **korang** masih belum isytihar pendapatan **korang** sebagai influencer media sosial, LHDN boleh je detect **korang**. Sebabnya syarikat-syarikat pun dah mula buka akaun pembayaran bagi tujuan promosi menggunakan influencer media sosial, jadi secara automatik LHDN akan tahu pendapatan **korang**.

KEPENTINGAN BAYAR CUKAI

Cukai yang dibayar oleh setiap rakyat sebenarnya penting untuk pembangunan negara. Sekiranya negara tidak mempunyai hasil cukai, maka kita tak akan nampak sekolah-sekolah, hospital-hospital, pertahanan negara yang dibangunkan untuk kegunaan kita sendiri sebagai rakyat. Segala pembangunan dan hasil ekonomi yang kita nikmati sekarang merupakan hasil dari kutipan cukai. Bayangkan kalau negara tanpa cukai atau sebahagian dari kita tak nak bayar cukai, mungkin segala kemudahan yang kita nikmati selama ni tak akan ada. Jadi sebab itu lah pentingnya untuk kita cakna tentang cukai hasil dari pendapatan kita.



Jom lapor dan isytihar pendapatan **korang** sekarang! Maklumat lanjut di www.hasil.gov.my Apa-apa pun, kita layan dulu lagu rap pasal cukai daripada team Thelaki.



THELAKI: Sebelum satu lembaga ni datang ketuk pintu rumah korang tanya pasal cukai, baik korang declare pendapatan korang...

< PREVIOUS STORY



SEMBANG, ZAP · 6 MAY 2020

Menu Paling Simple Time Sahur

Ni yang paling simple dah ni...

NEXT STORY >



SEMBANG, ZAP · 7 MAY 2020

 **Amerika
Diserang
'Tebuan
Pembunuh'**



Serangga besar dan bahaya mengancam...